

15/10/2003

KL lobi kerusi Setiausaha Agung

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad akan berbincang dengan beberapa pemimpin kanan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), terutama dari negara Arab yang berpengaruh, berhubung pencalonan wakil Malaysia sebagai Setiausaha Agung pertubuhan itu, ketika sidang kemuncak bermula esok.

Perbincangan dua hala Perdana Menteri sebagai Pengerusi OIC dan pemimpin negara terbabit bertujuan memastikan sokongan kepada calon untuk jawatan yang turut diidami oleh Bangladesh itu.

"Perdana Menteri akan membuat keputusan berhubung tawaran serta calon Malaysia bagi jawatan itu selepas mendapat komitmen sokongan daripada pemimpin berkenaan," kata sumber diplomatik kepada Berita Harian.

Kelmarin, akhbar ini melaporkan Malaysia mempunyai beberapa nama untuk dicadangkan bagi jawatan Setiausaha Agung OIC. Antaranya ialah bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; dan bekas Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tan Sri Hasmy Agam.

Setakat ini, hanya Bangladesh menyatakan secara terbuka untuk menjawat jawatan itu dan mencalonkan Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri Khaleda Zia, Salauddin Quader Chowdhury Mei lalu.

Malah, Bangladesh yang tewas kepada Maghribi dalam pemilihan lalu berikutan "pakatan" beberapa negara Arab, menghantar perwakilan terbesar 40 anggota ke sidang kemuncak kali ini bagi menunjukkan keazaman mereka.

Bagaimanapun, pencalonan Chowdhury bukan saja tidak mendapat sokongan kukuh negara Arab, malah dikatakan ditentang aktivis keamanan Bangladesh yang mendakwa beliau adalah 'penjenayah perang' dan melakukan jenayah kemanusiaan.

Dalam petisyen terbuka rakyat negara itu Julai lalu, mereka melahirkan rasa terkejut dan cemas dengan pencalonan semula Chowdhury serta menggesa Bangladesh menarik balik kerana Chowdhury pernah menyokong dan membantu kependudukan tentera Pakistan ketika Perang Pembebasan Kebangsaan Bangladesh 1971.

"Chowdhury juga mempunyai kaitan dengan pertubuhan haram dan samseng, selain menghadapi tuduhan melakukan rasuah. Oleh itu pencalonan beliau hanya membawa aib kepada Bangladesh.

"Kita tidak mahu memalukan Bangladesh dalam hal ini tetapi kami berasakan adalah penting latar belakang pemimpin ini dimaklumkan kepada anggota OIC bagi memastikan keberkesanan pertubuhan ini," menurut petisyen itu.

Bagaimanapun, Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh ke Malaysia, Masood Aziz, dalam wawancara dengan Bernama, baru-baru ini, berpendapat negaranya patut diberi peluang menerajui sekretariat pertubuhan itu kali ini sebagai membalas pengorbanannya pada 2000.

Dalam pemilihan di Persidangan Menteri Luar Islam (ICFM) ke-27 di Kuala Lumpur, pada tahun itu, calon Maghribi, Dr Abdelouahed Belkeziz dilantik sebagai Setiausaha Agung bagi menggantikan rakan senegarannya, Dr Azeddine Laraki.

Syed Hamid, ketika ditanya mengenai kriteria pemilihan Setiausaha Agung OIC pada sidang akhbar pada akhir hari pertama mesyuarat persediaan peringkat menteri, berkata penjawatnya mestilah seorang yang berwibawa dan mampu melaksanakan tugas itu.

"Kita akan merundingkannya," katanya tanpa menjelaskan sama ada Bangladesh akan dipujuk supaya menarik diri sekali lagi," katanya lagi.

